

# Jadi atlet bukan sebab habuan

## personaliti

Oleh **NURSYAMIMI SAIDI**  
nursyamimi.saidi@utusan.com.my



**D**i negara ini sukan bola jaring tidaklah sepopular seperti bola sepak, badminton, renang dan beberapa sukan lain. Namun, kejayaannya menyumbang pingat emas pada saingan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) baru-baru ini, membuka mata banyak pihak.

**Izyan Syazana Mohd Wazir**, 24, adalah salah seorang pemain yang membantu negara menamatkan kemarau pingat emas sejak 16 tahun lalu dalam acara bola jaring, sekali gus mencetuskan fenomena terhadap sukan itu.

“Saya teruja dengan penerimaan orang ramai terhadap sukan bola jaring lebih-lebih lagi setelah pasukan negara berjaya membuktikan kemampuan pada peringkat antarabangsa.

“Sukan yang pernah dianggap sebagai sukan ‘budak sekolah’ ini ternyata memberi impak besar sehingga membawa gelombang perubahan dan saya berbangga menjadi salah seorang daripada ahli pasukan negara,” ujarnya pada sesi fotografi *Mega Rona* di Studio Utusan baru-baru ini.

Baru sahaja menamatkan zaman bujang kira-kira sebulan lalu, wanita tinggi lampai yang mesra disapa Izyan ini, mempunyai impian tersendiri dalam sukan tersebut.

Dia mahu melihat lebih ramai pelapis muda yang berbakat dan berkebolehan bagi merencanakan lagi sukan bola jaring negara.

Untuk itu, dia bersama rakan-rakan sepasukan mengambil inisiatif sendiri, menganjurkan klinik mencari pemain bola jaring yang boleh digilap seawal usia 13 tahun lagi.

Menurutnya lagi, apabila tamat pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Pendidikan Jasmani yang berbaki kira-kira setahun lagi, dia mahu meneruskan usaha tersebut dengan menggilap bakat dalam

kalangan pelajar sekolah.

“Apabila habis belajar nanti, saya berhasrat untuk kembali ke negeri kelahiran, Kedah dan mengajar di sana. Memang sudah ada yang meminta saya berbakti mencari bakat-bakat baharu dari negeri itu.

“Saya mahu gunakan peluang ini untuk membawa sukan bola jaring pergi lebih jauh. Tambahan pula, suami juga amat menyokong niat saya ini,” katanya yang mempunyai ketinggian 175 sentimeter.

Mengimbas penglibatan awalnya dalam sukan tersebut, ujar Izyan, guru sekolah yang bertanggungjawab memperkenalkan dia dengan sukan itu ketika darjah lima.

Sememangnya seorang yang aktif bersukan, dia menyambut baik pelawaan tersebut dan tidak menyangka daripada tidak tahu apa-apa tentang bola jaring, akhirnya berjaya mewakili negeri ke pertandingan peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Kebolehannya membuka mata jurulatih Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), lalu Izyan diserap masuk selama lima tahun sebelum menyambung pengajian ke UPM.

Menyandang posisi penyerang gol (GA), anak kelima daripada tujuh beradik ini mengakui, sukan bukan pilihan pertama kebanyakan anak muda untuk dijadikan kerjaya.

Ini memandangkan industri sukan negara masih belum berkembang sepenuhnya dan memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak.

“Orang menganggap atlet dapat hidup mewah kerana wang kemenangan, sedangkan bukan

semua sukan memberi ganjaran dalam bentuk wang tunai.

“Saya bermain bukan kerana habuan, sebaliknya minat dan cinta yang begitu mendalam dalam bola jaring.

“Jika mahu mengejar wang ringgit, sudah lama saya tinggalkan bola jaring kerana sukan ini tidak bernaung bawah Majlis Sukan Negara (MSN) hanya bawah persatuan sahaja, jadi kami tidak bergaji dan tiada elaun bulanan tetap.

“Jika tiada pertandingan, masing-masing akan meneruskan kerjaya dan pengajian mereka seperti biasa.

“Namun melihat kepada peningkatan prestasi kami, pada pandangan saya, sudah tiba masanya sukan bola jaring dijadikan sukan teras negara dan diangkat lebih tinggi, apatah lagi jika atlet itu sendiri sanggup berkorban waktu dan tenaga.

“Saya ingin melihat sukan bola jaring dipandang sama seperti sukan-sukan popular lain. Diharap kejayaan kami pada Sukan SEA lalu, menjadi batu loncatan untuk terus memartabatkan sukan bola jaring,” katanya.



**IZYAN SYAZANA MOHD. WAZIR**



**GAYA** Izyan Syazana Mohd. Wazir ketika beraksi di gelanggang bola jaring.